From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: "LINGUA DIGITAL INTERAKTIF" JUARA C-INNOVERSE@SLCP INNOVATION CHALLENGE 2026
Date: Sunday, 13 September, 2026 9:35:53 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 SEPTEMBER 2026 / 1 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Che Hasniah Ya'acob
Gambar oleh: Mohamad Ismandi Wasli dan Lydiawani Che Ismail

"LINGUA DIGITAL INTERAKTIF" JUARA *C-INNOVERSE@SLCP INNOVATION CHALLENGE 2026*



UUM ONLINE: Sintok, 10 September 2026: Inovasi "*Lingua Digital Interaktif*" ciptaan Ang Wei Yin, Che Hasniah Ya'acob dan Dr. Mohd Ammyrul Ashraf Sairan berjaya merangkul tempat pertama dalam pertandingan akhir *C-Innoverse @ SLCP – Innovation Challenge 2026* yang berlangsung di Dewan Kuliah 3/1 (DK3/1), hari ini.

Pertandingan anjuran Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi dan Pengkomersialan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM) itu berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dengan menghimpunkan sebanyak sembilan inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan akademik SLCP.

Kemenangan tersebut membuktikan keupayaan warga akademik SLCP dalam menghasilkan inovasi yang kreatif, relevan dan berpotensi memberikan nilai tambah kepada pembangunan serta kecemerlangan universiti.



Tempat kedua pula dimenangi oleh Tan Pin Wooi dan Dr. Nurul Imtiaz Ghani menerusi inovasi "*Mandarin 365 Malaysia: HSK1 Adventure*", manakala tempat ketiga diraih oleh Dr. Zamimah Osman dan Dr. Mohamad Zakuan Tuan Ibharim melalui inovasi *"MyCite Ready: Sistem Pintar Pra Penilaian Jurnal untuk Pengindeksan MyCite"*.

Menurut Pengarah Program, Dr. Naizatul Akma, "pertandingan ini menjadi wadah penting dalam memperkasakan budaya inovasi dalam kalangan warga akademik. Pada masa yang sama, ia memberi peluang kepada peserta untuk membangunkan idea yang berpotensi dikembangkan sebagai produk berimpak tinggi dan mempunyai nilai pengkomersialan," katanya.penganjuran pertandingan berkenaan bertujuan mencungkil bakat inovasi dalam kalangan staf akademik serta membudayakan amalan inovasi dalam ekosistem universiti".

Penganjuran pertandingan ini selaras dengan usaha UUM dalam memperkukuh budaya inovasi, kreativiti dan pengkomersialan dalam kalangan warga universiti, di samping menggalakkan penghasilan idea yang mempunyai potensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

Kejayaan *"Lingua Digital Interaktif*" diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada warga SLCP untuk terus menghasilkan inovasi yang berimpak serta menyumbang kepada kecemerlangan UUM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan peserta *C-Innoverse @ SLCP – Innovation Challenge 2026* atas komitmen serta kreativiti yang ditunjukkan.

ZMS/JKK/2026



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.